



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI TEKNIK LINEAR DRUMMING UNTUK IRINGAN MUZIK POP TRADISIONAL MALAYSIA

MUHAMMAD KHAIRUL IZWAN BIN MOHA BASRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI TEKNIK *LINEAR DRUMMING* UNTUK IRINGAN MUZIK POP TRADISIONAL MALAYSIA

MUHAMMAD KHAIRUL IZWAN BIN MOHD BASRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

	✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada15.....(hari bulan).....Mac..... (bulan) 20..21..

i. Perakuan pelajar :

Saya, Muhammad Khairul Izwan Bin Mohd Basri, M20171000352, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Aplikasi Teknik Linear Drumming Untuk Iringan Muzik Pop Tradisional Malaysia

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, ZAHAROL LAILIDDIN SAIDON (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Aplikasi Teknik Linear Drumming Untuk Iringan Muzik Pop Tradisional Malaysia

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Sarjana Muzik (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15 Mac 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia'



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Aplikasi Teknik Linear Drumming
Untuk Iringan Muzik Pop Tradisional Malaysia

No. Matrik / Matric's No.: M20171000352
Saya / I : Muhammad Khairul Izwan Bin Mohd Basri

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

PROFESSOR ZAHARUL LAILIDDIN BIN SAIDON

Pengarah
Pusat Antarabangsa dan Mobiliti
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak Darul Ridzuan

Tarikh: 15 Mac 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan cucuran Rahman dan RahimNya, sepanjang tempoh pengajian ini, saya diberikan kekuatan sehingga dapat melunaskan kajian karya kreatif ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga buat bonda tercinta yang tidak pernah lupa untuk titipkan doa untuk saya. Begitu juga dengan semangat dan rasa tanggungjawab yang ditinggalkan arwah ayahanda yang menjadi sumber inspirasi dalam menggapai impian dan cita-cita. Sememangnya kajian karya kreatif ini tidak akan berjaya tanpa barisan orang-orang hebat yang tidak pernah jemu dalam berkongsi ilmu, memberi panduan serta tunjuk ajar. Jutaan terima kasih kepada penyelia utama, Profesor Zaharul Lailiddin Bin Saidon dan penyelia bersama, Dr. Kamarulzaman Bin Mohamed Karim. Tidak lupa kepada barisan pemuzik dan teknikal yang sentiasa komited dalam menjayakan persembahan resital. Pastinya tidak akan terganti setiap masa dan tenaga yang telah dikorbankan. Akhir sekali, buat insan teristimewa yang sentiasa memberi semangat, bimbingan, kritikan, serta tidak pernah alpa dalam mendoakan kejayaan saya. Terima kasih kepada isteri, Mawar binti Abdul Latiff. Kepercayaan dan doronganmu menjadi sumber ilhamku. Dikesempatan ini, marilah kita sedekahkan Al-Fatihah buat ayahanda yang dirindui, Mohd Basri bin Ahmad. Semoga rohnya ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang soleh.

Al-Fatihah.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi dan mengaplikasikan teknik *linear drumming* dalam konteks irungan muzik pop tradisional Malaysia. Kebolehan dalam permainan teknik *linear drumming* selain daripada teknik konvensional ataupun *layered drumming* dapat meningkatkan versatiliti yang terdapat pada seseorang pemain dram. Kajian ini telah menggunakan metodologi *practice-based*. Pengumpulan data bagi proses kreatif ilmiah adalah melalui jurnal reflektif, analisis diskografi dan pemilihan repertoire manakala proses kreatif artistik adalah meliputi rakan kritikal, eksperimentasi, latihan individu dan latihan berkumpulan. Kajian ini mendapati bahawa terdapat lima elemen yang menyumbang kepada teknik *linear drumming* iaitu: (a) kompleksiti ritma, (b) aksen, (c) koordinasi, (d) orkestrasi dan (e) *ghost-note*. Pengaplikasian teknik *linear drumming* yang merangkumi lima elemen ini menyebabkan permainan pola rentak pada irungan lagu menjadi lebih unik dan tersendiri. Di samping itu, ia turut menghasilkan variasi permainan yang pelbagai dan lebih muzikal dalam konteks irungan muzik dan permainan solo dram. Hal ini dilihat berpotensi untuk menyumbang kepada perkembangan baharu terhadap elemen muzikal di dalam muzik pop tradisional Malaysia sedia ada.





APPLICATION OF LINEAR DRUMMING TECHNIQUE FOR MALAYSIAN TRADITIONAL POP MUSIC ACCOMPANIMENT

ABSTRACT

The purpose of this research is to explore and apply linear drumming technique in the context of Malaysian traditional pop music accompaniment. The ability to play the linear drumming technique, aside from the conventional or layered drumming technique will improve the versatility of a drummer. Practice-based research was employed as the methodology of this qualitative research. The data for creative process was gathered through reflective journal, discography analysis and selection of repertoire, while artistic creative process involved critical friends, experimentation, individual practice and group practice. The finding of this research shows that there are five elements which contributes towards the technique of linear drumming; (a) rhythmic complexity (b) accents (c) coordination (d) orchestration and (e) ghost-note. Application of linear drumming technique which involves these five elements has resulted in rhythmic pattern complexity for accompaniment which are unique and individualistic. In addition, linear drumming creates variations in playing which are more musical within the context of music accompaniment and solo drumming. Hence, this is seen as a potential contributory role towards the musical element within the current Malaysian traditional pop music.





ISI KANDUNGAN

Mukasurat

PENGAKUAN **ii**

PENGHARGAAN **iii**

ABSTRAK **iv**



ABSTRACT **v**

ISI KANDUNGAN **vii**

SENARAI GAMBARAJAH **x**

BAB 1 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

1.1 Inspirasi dan Motivasi **1**

1.2 Konteks **4**

 1.2.1 *Linear Drumming* **4**

 1.2.2 Muzik Pop Tradisional Malaysia **8**

1.3 Matlamat Persembahan **9**





1.4 Objektif Persembahan	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Dan Batasan Persembahan	10

BAB 2 SOROTAN PERSEMBAHAN DAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	14
2.1.1 Teknik Permainan Dram Secara Umum	15
2.1.2 Teknik Permainan <i>Linear Drumming</i>	20
2.2 Sorotan Persembahan	24
2.2.1 <i>50 Ways To Leave Your Lover</i>	24
2.2.2 <i>Take Cover</i>	27
2.2.3 <i>From Yesterday</i>	30



BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	33
3.2 Proses Kreatif	35
3.2.1 Jurnal Reflektif	36
3.2.2 Analisis Diskografi	39
3.2.3 Pemilihan Repertoir	41
3.3 Proses Kreatif Artistik	45
3.3.1 Rakan Kritikal	46
3.3.2 Ekeperimentasi	47





3.3.3 Latihan Individu	50
3.3.4 Latihan Berkumpulan	51

BAB 4 PEMBANGUNAN IDEA KREATIF

4.1 Fasa awal pembangunan <i>pola linear</i>	56
4.1.1 Mimpi Laila	56
4.1.2 Hati Kama	59
4.1.3 Balqis	61
4.1.4 Ghazal Untuk Rabiah	63
4.1.5 Persoalan Cinta	66
4.1.6 Cindai	69
4.1.7 Nirmala	71
4.1.8 Wassini	74
4.2 Analisis pembinaan dan pengaplikasian <i>teknik linear drumming</i>	75
4.2.1 Hati Kama	76
4.2.2 Mimpi Laila	82
4.2.3 Balqis	89
4.2.4 Ghazal Untuk Rabiah	97
4.2.5 Persoalan Cinta	107
4.2.6 Cindai	112
4.2.7 Nirmala	120





4.2.8 Wassini	128
4.3 Pengaplikasian teknik <i>Linear Drumming</i> Dalam Konteks Solo Dram	143
4.3.1 Nirmala	140
4.3.2 Cindai	150
BAB 5 DAPATAN KAJIAN KARYA KREATIF	
5.1 Pendahuluan	158
5.2 Pembaharuan Terhadap Elemen Iringan Dram Untuk Muzik Pop Tradisional Malaysia Menggunakan Teknik <i>Linear Drumming</i>	159
5.2.1 Kompleksiti Ritma	160
5.2.2 Aksen	161
5.2.3 Koordinasi	163
5.2.4 Orkestrasi	164
5.2.5 <i>Ghost-note</i>	167
5.3 Pengaplikasian Idea-Idea Muzikal Pop Tradisional Malaysia Dalam Permainan Solo Dram Menggunakan Teknik <i>Linear Drumming</i>	168
BAB 6 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	175
6.1 Perbincangan	175
6.2 Rumusan	177
RUJUKAN	180
LAMPIRAN	





SENARAI GAMBARAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Pola rentak Rock dalam permainan konvensional	5
1.2 Pola asas permainan rentak <i>linear</i>	5
2.1. Teknik <i>matched grip</i> . Sumber dari (Wessels, 2015)	17
2.2 Teknik permainan pada <i>bass drum</i> . Sumber dari (Melodics, n.d.)	19
2.3 Pola rentak bahagian <i>verse</i> lagu <i>50 Ways To Leave Your Lover</i>	25
2.4 Pola rentak pada bahagian korus <i>50 Ways To Leave Your Lover</i>	26
2.5 Pola rentak <i>linear</i> di dalam lagu <i>Take Cover</i>	27
2.6 Variasi kedua yang dimainkan dalam lagu <i>Take Cover</i>	29
2.7 Pola rentak <i>linear</i> di dalam lagu <i>From Yesterday</i>	30
3.1 Tiga komponen yang terlibat dalam proses kreatif	35
3.2 Kitaran reflektif. Diadaptasi daripada model RMIT (2006)	37
3.3 Senarai repertoire resital	44
3.4 Empat komponen yang terlibat dalam di dalam Proses Kreatif Artistik	46





4.1	Rentak asal <i>verse</i> “Mimpi Laila”	57
4.2	Rentak asal <i>chorus</i> “Mimpi Laila”	57
4.3	Pola <i>linear</i> yang dipetik daripada buku <i>Linear Drumming</i> (Johnston, 2015)	58
4.4	Pola rentak asas yang dimainkan pada <i>verse</i> lagu “Hati Kama”	60
4.5	Variasi rentak asal yang dimainkan pada <i>chorus</i> lagu “Hati Kama”	60
4.6	Frasa pola <i>linear</i> lagu “Balqis”	63
4.7	Rentak Malfouf yang diinspirasikan dari Timur Tengah	64
4.8	Pola rentak <i>linear</i> lagu Ghazal Untuk Rabiah	66
4.9	Bentuk ritma yang mengiringi nyanyian pada bahagian A	67
4.10	Bentuk ritma <i>syncopate</i> yang dikembangkan pada bahagian B	67
4.11	Rentak Zapin yang dimainkan pada bahagian <i>verse</i> lagu “Cindai”	69
4.12	Rentak Inang yang dimainkan pada bahagian <i>chorus</i> lagu “Cindai”	70
4.13	Rentak Sambinang yang dimainkan di dalam lagu “Nirmala”	71
4.14	Pola rentak Bembe	73
4.15	Variasi pola rentak <i>shuffle</i> yang dimainkan dalam lagu Nirmala	73
4.16	Pola rentak asal untuk lagu “Wassini”	74
4.17	Pola pukulan RLRR LRRL yang dipetik dari buku <i>David Garibaldi, The Funky Beat</i>	77
4.18	Rentak asas yang dimainkan pada bass drum dan <i>snare</i> pada lagu “Hati Kama”	78
4.19	Pola rentak <i>linear</i> baharu untuk bahagian <i>verse</i> pertama “Hati Kama”	78





4.20	Variasi pola rentak <i>linear</i> yang dimainkan pada <i>verse</i> kedua “Hati Kama”	80
4.21	Latihan peringkat awal pembinaan pola untuk lagu Mimpi Laila – sumber dari buku <i>Linear Drumming by Mike Johnston</i> (Johnston, 2015)	82
4.22	Pola pukulan 654 untuk dimainkan pada bahagian <i>verse</i>	85
4.23	Pola pukulan not 3 dan 5 untuk dimainkan pada bahagian <i>chorus</i>	86
4.24	Latihan asas <i>linear</i> kumpulan tiga nilai not	89
4.25	Inspirasi latihan dari video <i>Jojo Mayer - Linear Coordination for Fills and Chops</i> yang dimuat naik di youtube	90
4.26	Rentak asal lagu “Balqis”	91
4.27	Pola rentak <i>linear</i> yang dimainkan pada <i>verse</i> kedua	93
4.28	Turutan pukulan pola dan pola rentak lengkap untuk <i>verse</i> pertama	93
4.29	<i>Chopper cymbal</i> – Sumber, Sabian	94
4.30	Pola rentak <i>linear</i> yang dimainkan dalam <i>half-time</i>	95
4.31	Rentak <i>linear</i> yang dimainkan pada bar 14	97
4.32	Trankripsi permainan konvensional dan <i>linear</i> pada bahagian <i>verse</i>	98
4.33	Idea penghasilan pola rentak <i>linear</i> berdasarkan rentak Malfouf	101
4.34	Pembinaan pola rentak yang dimainkan pada bahagian <i>chorus</i>	103
4.35	Orkestrasi permainan pola rentak <i>linear</i> pada bahagian <i>chorus</i>	103
4.36	Carta <i>polyrhythm</i> 3:4	104
4.37	Bentuk ritma bahagian <i>verse</i> lagi “Persoalan Cinta”	108
4.38	Pola <i>linear</i> yang dipetik daripada jurnal reflektif	110



4.39	Pola <i>linear</i> dengan kedudukan aksen yang berbeza dipetik daripada jurnal reflektif	111
4.40	Motif ritma yang dimainkan oleh alat perkusi pada bahagian <i>intro</i>	112
4.41	Ruang improvisasi dram pada bahagian <i>intro</i>	113
4.42	Pembinaan pola rentak <i>linear</i> menggunakan pola rentak asal	114
4.43	Pengolahan semula pola menggunakan kaedah “ <i>displacement</i> ”	115
4.44	Kaedah-T yang digunakan untuk mengeksplorasi pola <i>linear</i>	119
4.45	Pola <i>linear</i> asas yang diilham daripada rentak <i>shuffle</i>	121
4.46	Pengolahan idea terhadap pola asas <i>triplet</i> yang dibina	122
4.47	Pola <i>linear</i> dimainkan secara <i>unison</i> bersama dengan melodi	123
4.48	Orkestrasi pola <i>linear</i> yang dimainkan pada bahagian <i>intro</i>	124
4.49	Frasa pola yang mengiringi melodi pada <i>keyboard synthesizer</i>	124
4.50	Pola <i>linear</i> dengan <i>hi-hat</i> yang telah diaksenkan	125
4.51	Perbezaan <i>timbre</i> yang dimainkan pada bahagian <i>intro</i> dan <i>verse</i>	126
4.52	Perbezaan orkestrasi yang dimainkan pada bar 36 hingga 42	127
4.53	Idea awal pembentukan pola <i>linear</i> untuk lagu “Wassini” yang dipetik daripada jurnal reflektif	129
4.54	Frasa 2 bar Pola rentak <i>linear</i> yang diambil dari jurnal reflektif	130
4.55	<i>Rudiments</i> yang digabungkan membentuk frasa <i>linear</i> dua bar	131
4.56	Pola <i>linear</i> yang diorkestrasikan pada set dram	133
4.57	Pola <i>son 2/3 clave</i> yang terdapat pada bar kedua	133



4.58	Idea menggunakan dua <i>snare</i>	135
4.59	Variasi pola <i>linear</i> bahagian <i>intro</i>	137
4.60	Pola <i>linear</i> yang dibina pada catatan jurnal 10 Oktober 2019	140
4.61	Orkestrasi yang membabitkan <i>floor tom</i> , <i>bass drum</i> , <i>cross stick</i> dan <i>tom</i> pertama	143
4.62	Orkestrasi yang dikembangkan pada set dram	143
4.63	Pola pukulan LLR	145
4.64	Orkestrasi melibatkan permainan <i>stepped-hihat</i>	146
4.65	Proses penghasilan solo dram di dalam lagu “Nirmala”	148
4.66	Idea asas solo dram menggunakan tema rentak Zapin	151



4.67	Orkestrasi hanya melibatkan <i>bass drum</i> dan <i>snare</i>	152
4.68	Frasa solo dram menggunakan motif Zapin	154
4.69	Permainan melibatkan <i>bass drum</i> , <i>snare</i> , <i>hihat</i> dan <i>floor tom</i>	155
5.1	Lima elemen pengaplikasian teknik <i>linear drumming</i>	159
5.2	Pembentukan <i>polyrhythm</i> di dalam lagu Ghazal Untuk Rabiah	161
5.3	Aksen pada pola rentak <i>linear</i> di dalam lagu Nirmala	162
5.4	Aksen pada pola rentak Zapin <i>linear</i>	162
5.5	Koordinasi melibatkan keempat-empat anggota badan	164
5.6	Orkestrasi asas pola <i>linear</i> pada lagu Ghazal Untuk Rabiah	165
5.7	Orkestrasi lengkap pada set dram dengan pelbagai <i>timbre</i>	165





5.8	Pola rentak Zapin <i>linear</i>	166
5.9	Frasa pola <i>linear</i> untuk lagu Wssini	167
5.10	Proses menghasilkan permainan solo dram	169
5.11	Orkestrasi asas berdasarkan motif rentak Samrah	171
5.12	Idea orkestrasi pada permainan solo lagu Nirmala	171
5.13	Idea orkestrasi asas berdasarkan pola rentak Zapin	172
5.14	Idea orkestrasi dikembangkan	172
5.15	Motif permainan solo secara <i>linear</i> dalam pola rentak Zapin	173





BAB 1

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG



Dalam senario institusi pendidikan semasa, teknologi dan multimedia bertindak sebagai salah satu alat dalam dunia pendidikan moden (Malik & Agarwal, 2012). Ini membolehkan segala maklumat diperolehi dengan mudah dan pantas. Terdapat juga medium untuk mendapatkan maklumat secara interaktif seperti youtube yang menjadi antara medium popular perkongsian maklumat. *Youtube* merupakan antara pangkalan data terbesar yang menyediakan video bermaklumat kepada berjuta-juta pengguna di seluruh dunia (Asselin et al., 2011). Saya merupakan antara jutaan pengguna internet khususnya *youtube* dalam mempelajari teknik berkaitan permainan dram dari tokoh-tokoh dram hebat dari seluruh dunia.





Sebuah petikan video persembahan dari seorang tokoh dram terkenal, Aaron Spears menjadi sumber inspirasi dan sedikit sebanyak mempengaruhi stail permainan saya. Video yang berjudul *Aaron Spears @ The Modern Drummer Festival 2006 - Performance & Backstage*, (Spears, 2019) telah benar-benar membuka suatu ruang dan keinginan di dalam diri saya untuk menjadikan Aaron Spears sebagai idola. Video yang berdurasi selama lebih kurang empat minit cukup untuk membuatkan saya teruja dengan teknik dan stail pukulan beliau tatkala memainkan lagu *Caught Up* dari seorang penyanyi dan juga penulis lagu tersohor Amerika Syarikat, Usher.



Bapa saya yang merupakan persara anggota tentera sebagai *drum major* pancaragam tentera darat banyak memperdengarkan saya dengan lagu-lagu tempatan. Lagu-lagu popular dari irama Pop Yeh-Yeh, Balada, Dangdut dan Pop Rock adalah muzik yang menjadi sumber halua telinga saya ketika di zaman persekolahan.

Mula mengenali alat dram secara formal pada tahun 2003 dan diperkenalkan dengan muzik Klasik Barat serta Jazz, keselesaan dan kepuasan dalam memainkan dram pada lagu-lagu berentak Balada dan R&B tetap menjadi pilihan. Apabila menonton video-video permainan Aaron Spears di youtube, ia benar-benar memberi inspirasi kepada saya untuk meningkatkan tahap permainan ke lebih tinggi, lebih berani untuk berimprovisasi malah memberi saya lebih ruang untuk bermain secara lebih kreatif terhadap sesbuah lagu yang dimainkan. Pada mulanya ia hanya sekadar ikutan tentang apa yang dilakukan oleh Aaron Spears di dalam video tersebut tanpa mengetahui teknik dan idea





disebalik permainan beliau. Namun begitu, setelah dibuat penelitian terhadap teknik yang dimainkan, terdapat juga persamaan teknik yang dimainkan dengan pemain dram lain pada lagu yang berbeza. Teknik yang sering digunakan ialah *linear drumming*.

Keinginan untuk memainkan teknik *linear drumming* di dalam lagu-lagu iringan menebal membuatkan saya cuba mencari asas-asas latihan serta “chops” dan “licks” yang dikongsikan di atas talian. Di sini tercetusnya idea untuk memainkan lagu-lagu tempatan dari irama pop tradisional dengan menggunakan teknik *linear drumming*. Seringkali membuat iringan muzik dalam pelbagai bentuk stail persempahan sama ada dalam bentuk kugiran pop, kumpulan jazz, orkestra, *big band* mahupun dalam ensembel pop tradisional, alat muzik dram menjadi nadi dalam setiap susunan muzik yang dimainkan.



Peranan pemain dram dalam memainkan apa juga rentak dan stail permainan dalam setiap gubahan muzik mampu membuat sesbuah muzik itu kedengaran kompleks, santai, agresif atau mungkin hingga dapat membuatkan pendengar menari apabila mendengar rentak yang dimainkan. Oleh itu, saya cukup berminat untuk mengeksplorasi teknik *linear drumming* ini dan mengaplikasikannya di dalam muzik tradisional popular Malaysia.





1.2 KONTEKS

Berdasarkan tajuk kajian iaitu Aplikasi Teknik *linear drumming* Untuk Iringan Muzik Pop Tradisional Malaysia, saya melakukan eksplorsi bagaimana *linear drumming* itu dimainkan serta skop muzik yang bakal dibawa oleh saya iaitu muzik pop tradisional Malaysia.


1.2.1 *Linear drumming*

Linear drumming ialah suatu kaedah memainkan rentak dan *fill in* dengan hanya satu suara pada dram atau *cymbal* menggunakan kedua tangan dan kaki, (Chaffee, 1993; Paulson, 2014) . Dalam erti kata lain, pemain dram akan hanya memainkan satu nota sahaja sama ada pada dram mahupun *cymbal* pada satu-satu masa. Stail permainan ini berbeza jika dibandingkan dengan stail permainan dram konvensional. Untuk stail permainan dram konvensional, kebiasaanya terdapat *ostinato* yang dimainkan pada *hi-hat* dan *ride cymbal* semasa pola rentak berjalan.


Sebagai contoh apabila pemain dram memainkan pola rentak Rock yang menggunakan *ostinato kuaver* pada *hi-hat*, *snare* pada bit kedua dan keempat manakala *bass drum* pada bit pertama dan ketiga, maka akan terdapat pertindihan bunyi pada setiap bit “1”, “2”, “3” dan “4” seperti pada Rajah 1.1. Namun begitu, ini tidak berlaku di dalam konsep *linear drumming*. Untuk



memainkan rentak dalam teknik *linear drumming*, *bass drum*, *snare* dan *hi-hat* dimainkan secara berselang diantara tangan dan kaki seperti pada Rajah 1.2.



Rajah 1.1. Pola rentak Rock dalam permainan konvensional



Rajah 1.2. Pola asas permainan rentak *linear*

Gary Chaffee turut menyatakan perkara yang sama di dalam buku beliau, *Linear Time Playing*, “Linear has no layering, no point where two or more voices are sounding at the same time,” (1993). Berbeza dengan corak permainan yang biasa didengari, kebiasaanya menggunakan teknik permainan bertindih (*layered drumming*) dimana setiap *snare* dan *bass drum* akan dimainkan serentak dengan *hi-hat* ataupun *ride cymbal*.

Teknik permainan bertindih adalah suatu teknik biasa yang digunakan oleh pemain drum sejak hari pertama seseorang itu bermain dram. Kebayakan rentak yang dimainkan seperti Rock, Funk, Pop, Zapin mahupun Joget menggunakan teknik permainan bertindih. Oleh itu, apabila pemain dram



mengaplikasikan teknik *linear drumming* ke dalam permainan, kelainan dapat dihasilkan lantas mengeluarkan keunikan pada sesuatu lagu yang dimainkan. Dave Atkinson pernah menulis di dalam laman web “rockdrummingsystem.com” dengan menyatakan, permainan secara *linear* bukanlah asing dalam muzik Rock. Malahan, kebanyakan lagu Rock masa kini mengambil peluang terhadap keunikan permainan secara *linear* ini bagi menghasilkan sebuah karya yang segar dan lebih menarik (Atkinson, n.d.). Keaslian *linear drumming* itu apabila tidak ada nota yang bertindih ketika dimainkan. Walaubagaimanapun, menurut Chaffee (1993), masih terdapat situasi yang membolehkan suatu not itu dimainkan secara bertindih (Chaffee, 1993). Di dalam buku beliau *Linear Time Playing*, beliau turut menyatakan bahawa, kebiasaanya pertindihan not itu boleh berlaku pada frasa yang dimainkan dan ini kerap berlaku pada bit pertama ataupun *downbeat* yang dimainkan bersama *bass drum* (Chaffee, 1993). Ini boleh berlaku dalam situasi tertentu terutamanya di dalam sesebuah ensemble apabila sesuatu frasa *linear* yang dimainkan memerlukan ketebalan dalam teksturnya untuk menyokong not yang dimainkan. Ini merujuk kepada “ensemble figure” di dalam sesebuah lagu yang dimainkan. Namun begitu, Chaffee turut menegaskan bahawa sekiranya terdapat tiga atau empat nilai not yang betindih maka ianya bukan lagi bersifat *linear* (Chaffee, 1993).

Linear drumming mula dikenalpasti melalui eksperimentasi yang dilakukan oleh Mike Clark dan David Garibaldi pada sekitar awal tahun 1970-an. Namun menurut Garibaldi (1996), Gary Chaffee adalah orang pertama yang menerapkan perkataan *linear* dalam membina *groove* dengan cara ini (Garibaldi, 1996). Garibaldi telah merakam banyak lagu bersama kumpulan yang tersohor



dalam genre R&B dan Funk iaitu Tower of Power manakala Clark pula banyak membuat persembahan pentas selain rakaman studio untuk kumpulan The Headhunters yang diketuai oleh pemain piano jazz yang hebat, Herbie Hancock.

Bermula dari era Garibaldi dan Clark sehingga ke hari ini, *linear drumming* dilihat begitu banyak mempengaruhi corak permainan dram dalam muzik moden. Ramai yang gemar bereksperimen dengan teknik *linear* sama ada untuk digunakan sebagai pola rentak sesuatu lagu ataupun sebagai fill in. Lenore merupakan lagu di dalam album jazz Chick Corea 1976, Leprechaun yang menampilkan Steve Gadd selaku pemain dram. Album ini telah dirakamkan ketika Chick Corea sedang dalam projek menghasilkan album fusion jazz bersama kumpulan Return to forever. Ini membuatkan album tersebut mendapat sentuhan dan pengaruh fusion di dalamnya.

Bagi memastikan teknik *linear drumming* ini dapat diaplikasikan dalam muzik Pop Tradisional Malaysia yang dimainkan, rentak asal pada lagu-lagu yang dipilih mungkin perlu diubah kepada rentak yang baharu. Sememangnya gaya permainan asal pada lagu-lagu yang dipilih menggunakan teknik permainan bertindih di mana *hi-hat* dan *ride cymbal* masih dikekalkan sebagai nadi sesuatu rentak yang dimainkan. Sekiranya rentak-rentak asal diubah dengan memasukkan teknik *linear drumming*, kemungkinan ia akan mempengaruhi susunan lagu dan juga corak persembahan pada lagu-lagu yang dimainkan.



1.2.2 Muzik Pop Tradisional Malaysia

Muzik Pop Tradisional Malaysia merupakan sebuah muzik yang mengetengahkan idiom muzik tradisional Malaysia dengan pendekatan susunan muzik yang lebih moden (Karim, 2017). Lagu-lagu Melayu tradisional sememangnya mempunyai nilai estetika yang tinggi, memiliki irama yang lemah lembut, syahdu dan alunan yang lemah gemalai. Penggunaan alat muzik moden digabungkan dengan alat muzik tradisional menunjukkan peralihan zaman sesuai dengan kehendak pendengar dan masyarakat masa kini. Alat muzik yang biasa dimainkan adalah seperti gendang, akordion, gambus, gong, rebana dan seruling.

Apabila pengaruh muzik luar digabungkan kedalam lagu tradisional, idea serta kreativiti para penggiat muzik ini semakin dapat didengari. Pencipta lagu dan pengubah muzik telah menerapkan unsur-unsur muzik sinkretik sebagai adunan resipi yang membawa kepada pembaharuan dalam genre lagu Pop Tradisional Malaysia. Gabungan elemen muzik tradisional dengan muzik popular di Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu malah ia telah dilakukan pada era 1990-an. Muzik seperti 'pop tradisional', 'pop etnik', 'rimba Malaysia' atau 'etnik kreatif' dipelopori oleh Datuk Suhaimi Mohd Zain atau Pak Ngah (Kamarulzaman Mohamed Karim, 2016).

Idea kreatif yang dicetuskan Pak Ngah berjaya meletakkan lagu-lagu dalam genre ini sebaris dengan lagu-lagu popular ketika itu. Dengan gubahan muzik yang lebih meluas dan kreatif, ia memberi ruang kepada pemain dram untuk mengetengahkan idea dan kreativiti dalam permainan untuk mengiringi





muzik yang dimainkan. Hal ini menjadikan permainan dram yang lebih variasi dalam memainkan pola rentak serta kepelbagaian penggunaan *timbre* pada alat drum yang mungkin berpotensi untuk memberi keterujaan kepada pendengar.

1.3 MATLAMAT PERSEMBAHAN

Matlamat projek karya kreatif ini ialah untuk mengeksplorasi dan mengaplikasikan teknik permainan *linear drumming* dalam konteks irungan permainan Muzik Pop Tradisional Malaysia.



1.4 OBJEKTIF PERSEMBAHAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mencipta pembaharuan terhadap elemen irungan dram dalam muzik Pop Tradisional Malaysia menggunakan teknik *linear drumming*
2. Mengaplikasikan idea-idea muzikal Pop Tradisional Malaysia dalam permainan solo dram menggunakan teknik *linear drumming*.





1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif di atas, persoalan yang ingin dijawab oleh projek kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah pembaharuan yang dapat dicipta daripada teknik permainan *linear drumming* di dalam konteks irungan permainan muzik Pop Tradisional Malaysia.
2. Bagaimanakah teknik *linear drumming* dapat diaplikasikan dalam konteks solo dram di dalam muzik Pop Tradisional Malaysia.



1.6 KEPENTINGAN DAN BATASAN PERSEMBAHAN

Perkembangan drastik dalam persembahan permainan dram dapat dilihat dalam tempoh satu dekad ini. Dalam muzik popular, set dram berperanan sama penting seperti mana peranan melodi dan harmoni. Malahan, set dram dapat menentukan *genre* sesuatu muzik itu melalui rentak yang dimainkan. Begitu juga dengan penggunaan teknik yang semakin dititik beratkan bukan sahaja dikalangan pemain profesional tetapi juga pemain dram diperingkat amatur.

Lambakan video *cover* di media atas talian seperti youtube membuktikan pengaruh alat muzik dram dalam muzik popular sangat besar. Kita dapat lihat bagaimana sesuatu muzik itu dimainkan oleh mereka dengan menggunakan tafsiran berbeza sambil mempraktikkan teknik yang berlainan. Ini menunjukkan



persembahan set dram memiliki keunikan serta tahap kompleksiti yang berbeza-beza walaupun pada lagu yang sama.

Permainan set dram di alaf baharu kini terus-menerus berkembang menelusuri arus pembawakan muzik moden dari segenap pelusuk dunia. Ruang yang terbuka luas untuk penggiat muzik dapat dijadikan hamparan melahirkan sebuah karya yang hebat lagi kreatif. Sudah tentu ini memberi ruang kepada pemain dram untuk turut membantu sesebuah karya itu kedengaran berbeza dan bermain secara lebih muzikal. Melihat kepada keaktifan dunia permainan drum pada hari ini, peranan pemain dram bukan lagi sekadar sebagai tulang belakang dan penjaga tempo, malahan lebih dari itu.



05-4506832



Walaupun hakikatnya alat muzik dram tidak boleh mendominasi peranan melodi dan harmoni, namun stail dan teknik permainan yang kukuh menjadi nilai tambah dalam membentuk struktur sesebuah lagu yang diiringi. Hal ini yang akan dikupas didalam kajian Aplikasi Teknik *Linear Drumming* Untuk Iringan Muzik Pop Tradisional Malaysia.

Kajian ini merupakan eksplorasi terhadap sebuah teknik permainan dram dan akan dimainkan dalam iringan muzik Pop Tradisional Malaysia. Sudah pasti ia menjadi suatu cabaran yang sukar memandangkan teknik *linear drumming* ini lebih banyak diaplikasikan di dalam muzik Funk, Jazz, Gospel dan Pop. Ini menjadikan amalan memainkan teknik *linear* dalam permainan dram begitu popular di luar negara. Ia dapat dilihat dari lambakan video tutorial dan video persembahan yang dimuat naik di youtube oleh pemain-pemain dram profesional



antarabangsa. Tidak ketinggalan, ramai pemain dram tempatan turut mengaplikasikan teknik permainan secara *linear* ini dalam stail permainan mereka. Walaupun begitu, penggunaan *linear* didalam lagu-lagu pop tradisional masih kekurangan dan ini perlu diterokai melalui suatu kajian ilmiah.

Kebolehan dalam permainan *linear drumming* selain daripada teknik konvensional ataupun *layered drumming* akan menambah versataliti seseorang pemain dram. Ia dapat membuka pelbagai kemungkinan yang boleh dikembangkan dalam sesuatu permainan dram itu. Dalam lain perkataan, dengan kupayaan tambahan ini akan dapat membantu seseorang pemain dram mempelbagaikan teknik-teknik permainan dalam menghasilkan suatu persembahan yang menarik dan memiliki keunikan tersendiri. Walaupun untuk memperoleh kemahiran bermain secara *linear drumming* ini agak mencabar, namun jika dilihat secara positif, ianya memberi nilai tambah dan kompleksiti dalam permainan apabila digunakan dengan bijak pada tempat dan keadaan yang sesuai.

Untuk projek karya kreatif ini, saya memilih lagu-lagu pop tradisional Malaysia yang memenangi Anugerah Juara Lagu dalam kategori irama Malaysia atau etnik kreatif sebagai skop kajian. Anugerah Juara Lagu merupakan suatu pertandingan berprestij yang diadakan secara tahunan anjuran TV3, sebuah setesen televisyen swasta di Malaysia. Anugerah Juara Lagu telah diterbitkan pada 1986 dan masih dipertandingkan hingga kini. Kategori Etnik Kreatif dan Irama Malaysia mula dipertandingkan pada tahun 1992. Kategori ini sebenarnya adalah gabungan dari muzik berentak irama tradisional yang





mendapat pengaruh dari muzik nusantara dan muzik sedunia. Gabungan citarasa pelbagai elemen muzik dapat didengari dalam persembahan lagu-lagu yang dipertandingkan. Penggunaan rentak Zapin, masri, dangdut, joget dan keroncong digabungkan dengan elemen jaipong, dikir dan ngajat menjadikan kategori Etnik Kreatif dan Irama Malaysia ini begitu meriah dengan gabungan pelbagai elemen rentak dan alat muzik yang dimainkan. Namun begitu, kategori ini terpaksa dihentikan pada tahun 2008 kerana penyertaan yang tidak memberansangkan. Hal ini sedikit sebanyak memberi tamparan hebat kepada penggiat-penggiat muzik pop tradisional kerana secara langsung ia akan menjauhkan irama pop tradisional Malaysia ini tatkala kurangnya putaran mahupun persembahan lagu-lagu ini di media-media hiburan utama tempatan.



Walaupun begitu, semakin banyak usaha dalam memartabatkan semula lagu-lagu pop tradisional ini untuk kembali mewarnai industri muzik tempatan agar dapat diamati dan didengari oleh golongan muda masa kini. Justeru, saya melihat penggunaan teknik *linear* dalam memainkan rentak-rentak dram di dalam lagu-lagu pop tradisional Malaysia dapat memberi kelainan, kesan daripada keunikian bunyi dan cara bermain teknik *linear drumming* ini. Untuk kajian Aplikasi *linear drumming* Dalam Muzik Pop Tradisional Malaysia ini, saya menggunakan beberapa buah lagu yang telah menjuarai kategori ini untuk dimainkan semula.

